

MAHATHIR-BAHASA

(EMBARGO: BOLEH DISIARKAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM 17 NOV)

---

1983

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA SISTEM PELAJARAN NEGARA INI MEMPUNYAI KELONGGARAN-KELONGGARAN BAGI MEMBOLEHKAN KAUM-KAUM YANG BERLAINAN MEMPELAJARI BAHASA IBUNDA MASING-MASING.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERDAULAT MALAYSIA MEMPUNYAI BAHASA KEBANGSAAN IAITU BAHASA MALAYSIA YANG MENJADI SIMBOL DAN ALAT PERPADUAN.

BERUCAP DI MAJLIS PERTANDINGAN SYARAHAN DAN MENGARANG DALAM BAHASA MALAYSIA BAGI PIALA PERPADUAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SELURUH MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA HAKIKAT ITU MEMANG TELAH DITERIMA.

+KITA DAPATI SEKARANG SETELAH SESUKU ABAD GENERASI BERBAGAI-BAGAI KAUM TELAH DAPAT MENGUASAI BAHASA MALAYSIA DENGAN BAIKNYA.

+SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN KEBOLEHAN RAMAI BUKAN MELAYU YANG DAPAT BERTUTUR DENGAN FASIH DAN BERKESAN DALAM BAHASA MALAYSIA BAHKAN SETENGAHNYA LEBIH BAIK PERTUTURANNYA DARIPADA ORANG MELAYU SENDIRI+, TEGAS PERDANA MENTERI. --LAGI 1938/MD

MAHATHIR-BAHASA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SOAL BAHASA TIDAK HARUS DIKAIT-KAITKAN DENGAN SENTIMEN PERKAUMAN.

KATANYA BANGSA MALAYSIA MODEN BUKAN SAHAJA MESTI MENGUASAI BAHASA MALAYSIA BAHKANJIKA TERMAMPU HENDAKLAH MENGUASAI SEBANYAK-BANYAK BAHASA.

KERAJAAN JUGA MAHU RAKYAT MALAYSIA SELESA DENGAN BAHASA INGGERIS DAN JUGA MAHU RAKYAT MALAYSIA MEMPELAJARI BAHASA-BAHASA LAIN TERMASUK ARAB, PERANCIS, JEPUN, RUSSIA DAN LAIN-LAIN, TEGASNYA.

BAGI MENGHADAPI CABARAN MASA DEPAN KATANYA LAGI RAKYAT HARUS MEMPUNYAI SIKAP POSITIF TERHADAP SEMUA PERKARA DAN ITULAH SEBABNYA KERAJAAN SEDANG MENGUTAMAKAN PENERAPAN NILAI-NILAI YANG TINGGI DAN SIKAP POSITIF DI KALANGAN RAKYAT.

KATANYA DENGAN KEMAJUAN YANG BERLAKU SEKARANG, GENERASI BARU MALAYSIA PERLU MENINGKATKAN KEMAMPUAN UNTUK MENERIMA BERBAGAI-BAGAI JENIS ILMU PENGETAHUAN.

BELIAU MENGINGATKAN JIKA RAKYAT NEGARA INI SIBUK DENGAN SENTIMEN +KITA AKAN KAYA DENGAN SENTIMEN TETAPI TANDUS DARI SEGI ILMU PENGETAHUAN DAN JIKA INI MENJADI AMALAN MAKA KITA AKAN RUGI DAN JENERASI KITA AKAN RUGI+.

MENGENAI KESELAMATAN, PERDANA MENTERI BERKATA DI MALAYSIA SOAL ITU MENJADI LEBIH UTAMA DI MANA RAKYAT BERBILANG KAUM MEMPUNYAI SENTIMEN-SENTIMEN TERTENTU.

SOAL ITU SELALUNYA KURANG DIBERI PERTIMBANGAN OLEH MASYARAKAT ATAU GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM KEADAAN BIASA DAN CUMA MEREKA YANG PERNAH MENGALAMI SENGSARA DAN PERNAH KEHILANGAN KEAMANAN YANG DAPAT MENGHARGI NILAI KESELAMATAN DAN KEAMANAN, KATANYA. --BERNAMA 1947/MD